

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**  
**TARIKH : 24.10.2017**  
**SOALAN :**

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab Ketua Menteri Pulau Pinang dilarang melawat Sekolah Rendah Kebangsaan Cina Sungai Lembu, Pulau Pinang pada hari minggu dan tanpa kelas sekolah dijalankan dengan tujuan untuk memberikan peruntukan, sedangkan murid-murid di Sekolah Presint 14, Putrajaya boleh mengibarkan bendera serta menyanyikan lagu UMNO.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai prosedur standard bagi penyertaan guru dan murid dalam program anjuran agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri, kehadiran orang kenamaan atau individu tertentu ke sekolah dan penggunaan premis atau kemudahan sekolah oleh pihak luar. Semua aktiviti tersebut memerlukan pihak berkenaan memohon kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga sekolah serta menjamin keselamatan harta benda sekolah.

KPM juga sentiasa memastikan semua penjawat awam warga pendidikan memberi taat setia yang tidak berbelah bagi pada setiap masa dan ketika kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan yang memerintah sebagaimana yang tercatat dalam Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/1999 telah menegaskan bahawa semua kakitangan dan pegawai perkhidmatan pendidikan dilarang terlibat dalam aktiviti anti-kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program yang telah dijalankan di SK Putrajaya Presint 14(1) merupakan program pertandingan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang bertemakan kemerdekaan dan bukan berunsur politik. Program bertujuan bagi melahirkan generasi Malaysia yang peka tentang sejarah perjuangan kemerdekaan dan pelaksanaan program itu juga adalah bersesuaian dengan tema pertandingan tersebut.

RJM02